

25/06/1997

Isu menteri besar baru timbul semula

Azhar Abu Samah

KUALA TERENGGANU: Air yang tenang jangan disangka tiada buaya. Perumpamaan Melayu yang memberi erti besar dalam kancah politik di Terengganu. Entah berapa kali soal membabitkan pelantikan Menteri Besar baru diperkatakan, namun sehingga kini Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad terus menerajui negeri ini.

Bagaimanapun, perkembangan terbaru di kota utara Terengganu atau lebih tepat Besut, nampaknya mula menerbitkan semula riak kepemimpinan utama negeri dijadikan perhatian.

Mesyuarat pergerakan Pemuda bahagian Besut pada 13 Jun lalu yang dirasmikan oleh Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak seperti mahu memulakan rentak itu. Tanpa asas yang kukuh, ada ahli pergerakan itu bangun mengemukakan cadangan supaya ahli Exco agama, Datuk Dr Yusof Nor dilantik Menteri Besar.

Walaupun cadangan atau usul itu ditolak oleh perwakilan, namun adalah sesuatu di luar dugaan apabila cadangan seumpama itu diluahkan oleh ahli pergerakan Pemuda, sayap utama parti di peringkat negeri.

Bagaimanapun, belumpun dapat disahkan oleh naib Pemuda Umno bahagian itu, Mohd Pahimin Yusoff, berita penerimaan usul itu sudah tersebar di seluruh Terengganu, malah perkara yang sama turut diakui didengar Setiausaha Akhbar Menteri Besar, Roslan Abdul Rahman.

Pelbagai spekulasi muncul dan pelbagai andaian dibuat, termasuk beberapa nama dikaitkan dengan perkara itu, yang belum tentu kesahihan mereka yang disebut-sebut mengetahui soal itu.

Menjelaskan isu itu, Mohd Pahimin berkata, Pemuda Umno bahagian itu tidak membangkitkan langsung usul berkenaan sebagaimana yang dihebohkan.

"Pemuda Umno bahagian juga tidak menghantar memorandum kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai perkara yang sama," katanya.

Beliau berkata, perkara sensitif itu tidak dibangkitkan langsung kerana ia boleh menjejaskan perpaduan parti dan pemimpin terbabit. Beliau menyatakan kesal kerana ada pihak yang sengaja menghebohkan isu itu bagi meretakkan hubungan antara Wan Mokhtar dan Dr Yusof.

Pemerhati politik mengakui senario itu sebagai usaha untuk melagakan pemimpin ataupun usaha memalukan pihak tertentu, lebih-lebih lagi semua perkara timbul ketika Wan Mokhtar berada di luar negara.

Bagaimanapun, ketika perasmian mesyuarat Umno bahagian, Pemuda dan Wanita Besut, memberi gelaran Naib Presiden Umno `kanan' kepada Najib bukan lagi rahsia kerana ia diluahkan secara terbuka oleh pemimpin bahagian berkenaan.

Namun menyedari kesan selepas itu, Najib memperbetulkan gelaran itu kerana katanya jawatan `kanan' itu tidak ada dalam perlembagaan Umno kerana yang ada hanya Naib Presiden Umno.

Kehangatan usul menggantikan Menteri Besar mungkin reda dengan penjelasan Naib ketua Pemuda Umno bahagian Besut, namun timbul `cakap-cakap' di Kuala Terengganu, ada bahagian lain di negeri ini turut menganjurkan lawatan ke Bangkok, yang turut disertai oleh beberapa pegawai kerajaan. Soal lawatan Umno Kemaman sengaja mahu diperbesarkan, kononnya mahu menjatuhkan seseorang.

Selain itu, pegawai kerajaan yang menyertai lawatan itu dikatakan sudah diminta menjawab surat tunjuk sebab oleh ketuanya mengapa mereka turut sama dalam lawatan itu.

Dalam perkembangan lain, sebuah agensi kerajaan negeri sedang sibuk

menyiapkan buku bertajuk Terengganu - Dahulu, Kini dan Akan Datang, dijangka dilancarkan pada Ogos ini di Langkawi, Kedah.

Projek ini yang menelan belanja RM200,000 dikatakan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Pelbagai cerita sudah mula tersebar mengenai tujuan buku itu dilancarkan. Hanya Allah yang tahu niat sebenar manusia. Wallahualam.

(END)